

**PEKELILING NAIB CANSELOR
Bilangan 03 Tahun 2020**

**ARAHAN PELANJUTAN PENANGGUHAN OPERASI PERKHIDMATAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)
SEPANJANG PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelanjutan pelaksanaan Arahan Penangguhan Operasi Universiti Pendidikan Sultan Idris selaras dengan pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Arahan penangguhan operasi perkhidmatan UPSI ini adalah merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 berkaitan lanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 01 April 2020 hingga 14 April 2020 di seluruh negara.
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Khas Bil.04/2020 pada 26 Mac 2020 telah memutuskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh warga UPSI sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 OPERASI UPSI

- a) Semua operasi UPSI melibatkan pejabat, makmal dan pusat tanggungjawab **DITUTUP** sepenuhnya **sehingga 14 April 2020**.
(tertakluk kepada arahan semasa kerajaan)

3.2 BEKERJA DARI RUMAH (*WORK FROM HOME*)

- a) Semua staf **perlu bekerja dari rumah (*work from home*)** kecuali staf yang terlibat dengan perkhidmatan penting universiti seperti keselamatan, kesihatan, hal ehwal pelajar, ICT dan pembersihan. Bagi yang diarahkan bekerja dari rumah, perkara-perkara berikut perlu dipatuhi iaitu:
 - i. sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat / bekerja yang ditetapkan;
 - ii. sentiasa bersedia sekiranya diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat; dan
 - iii. memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.
- b) Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang gagal mematuhi perkara a) (i), (ii) dan (iii) melainkan jika mendapat kebenaran Ketua Jabatan.

3.3 PERGERAKAN STAF DAN PELAJAR

- a) Tiada pergerakan pelajar dan kakitangan dibenarkan dalam tempoh penguatkuasaan PKP ini;
- b) Ketua Jabatan sama sekali tidak dibenarkan mengeluarkan arahan kakitangan untuk hadir ke kampus kecuali Pendaftar.
- c) Hanya kelompok kakitangan bagi perkhidmatan berikut sahaja dibenarkan hadir ke kampus iaitu;
 - i) kakitangan yang berurusan dengan perkara berkaitan keselamatan tertakluk kepada jadual kerja yang ditetapkan.
 - ii) kakitangan yang berurusan dengan perkhidmatan penting (*essential services*) seperti air, elektrik, tenaga, telekomunikasi dan ICT, kewangan dan pembersihan tertakluk kepada jadual kerja yang ditetapkan.
- d) Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, semua pergerakan masuk dan keluar ke kawasan kampus bagi kelompok kakitangan di (b) (i) dan (ii) di atas perlu direkodkan di Pos Pengawal.

3.4 PERKHIDMATAN PENYEDIAAN MAKANAN

Perkhidmatan penyediaan makanan dalam kampus boleh beroperasi dengan hanya melalui pelaksanaan penghantaran makanan atau pembelian makanan secara bungkus sahaja.

3.5 SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

- a) Cuti Pertengahan Semester akan bermula sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 01 Jun 2020 (Pasca Ijazah), 02 Jun 2020 (Sarjana Muda) dan 15 Jun 2020 (Diploma). **TAKWIM AKADEMIK TERKINI** yang telah diluluskan oleh Senat pada 30 Mac 2020 adalah seperti di lampiran. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Bahagian Hal Ehwal Akademik di talian +6011 61070648.
- b) Para pelajar yang berada di dalam dan luar kampus **DIBENARKAN** untuk kembali ke kampung masing-masing setelah tamat tempoh PKP.
- c) Bagi Program Pasca Ijazah berkaitan Program Pesisir, Program Cuti Sekolah dan pelaksanaan 'Viva Voce', sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Institut Pengajian Siswazah di talian +6011 58559405.
- d) Bagi pelajar yang sedang menjalani latihan mengajar, mohon rujuk kepada Memo Pusat Latihan Mengajar Dan Industri (PULAMI) yang telah dikeluarkan pada 28 Mac 2020 dan sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan Pusat Latihan Mengajar dan Industri di talian +6015 48797210 atau +6015 48797290.

3.6 PENGURUSAN PELAJAR BAGI YANG TIDAK DAPAT PULANG KE RUMAH MASING-MASING

- a) Bagi pelajar yang masih berada di kampus (kolej kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi yang lain) perlu **KEKAL** berada di premis tersebut dan **TIDAK DIBENARKAN** kembali ke kampung halaman walaupun bagi pelajar yang telah membeli tiket pengangkutan.
- b) Pelajar antarabangsa **DIBENARKAN** untuk pulang ke negara asal masing-masing tetapi **TIDAK DIBENARKAN** kembali ke Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan, atau apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Pelajar antarabangsa yang tidak pulang perlu **KEKAL** berada di dalam kampus (kolej kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi yang lain) masing-masing. Para pelajar hendaklah melaporkan kepada pihak Kolej dan Pusat Antarabangsa Dan Mobiliti (IMC).

3.7 PERJALANAN KE LUAR NEGARA

Semua perjalanan ke luar negara sama ada bersifat rasmi atau tidak rasmi adalah **TIDAK DIBENARKAN sehingga 30 September 2020**. Bagi warga UPSI yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki **MENJALANI PEMERIKSAAN** di Pusat Kesihatan Universiti dan melakukan **KUARANTIN SECARA SUKARELA (SELF QURANTINE)** selama 14 hari.

4.0 MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh e-melkan kepada Bahagian Komunikasi Korporat di alamat e-mel ccd@upsi.edu.my atau di talian 05-4506969 (Bahagian Keselamatan).

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 31 Mac 2020 .

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 April 2020 dan dibaca bersama Pekeliling Naib Canselor Bil.02/2020 yang dikeluarkan pada 17 Mac 2020.

Pemakluman terkini adalah tertakluk kepada arahan semasa pihak kerajaan.

7.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terpakai kepada warga UPSI dan untuk edaran dalaman sahaja.

PROFESOR DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN

Naib Canselor UPSI

Tarikh: 31 Mac 2020